

26/02/2003

18 duta asing bercuti di Langkawi

LANGKAWI: Langkawi akan menerima kunjungan 18 duta asing ke Malaysia untuk menikmati pengalaman bercuti di pulau peranginan ini sempena pelancaran Langkawi Lagoon Resort di Jalan Kuala Muda, di sini, Sabtu ini.

Mereka ialah duta Algeria, Belgium, Brunei, Mesir, Perancis, Itali, Kuwait, Mexico, Norway, Oman, Palestin, Singapura, Afrika Selatan, Sweden, Switzerland, Thailand, Emiriyah Arab Bersatu dan Yaman.

Selain mereka ialah kira-kira 200 wakil media luar negara yang dijemput khas MK Land Holdings Berhad (MK Land) bagi memberi peluang kepada mereka mendapatkan gambaran sebenar negara yang aman disamping menikmati keindahan Langkawi.

Pengerusi Eksekutif MK Land, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar, berkata kehadiran mereka kena pada masanya ketika kerajaan berusaha meyakinkan pelancong yang Malaysia adalah negara yang selamat untuk dilawati.

"Pelbagai acara menarik diadakan di Taman Kuala Sungai Melaka bermula Jumaat ini seperti pertunjukan kebudayaan masyarakat minoriti yang mana tetamu khas akan dijemput menari bersama untuk menghayati seni budaya tempatan.

"Kami juga akan mengajak mereka bermain sepak takraw bersama untuk memperkenalkan permainan unik ini. Mereka kemudian akan dihadiahkan bola takraw untuk dibawa pulang dan bermain di negara asal mereka.

"Ini adalah antara cara untuk memperkenalkan Malaysia, Langkawi dan hotel ini kerana mereka akan mengimbas kembali di mana mereka mula mengenali permainan itu," katanya di Langkawi Lagoon Resort di sini, semalam.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar khas bagi menghebahkan pelbagai acara yang disusun pada Jumaat dan hari perasmian hotel bertaraf lima bintang itu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mustapha Kamal berkata, penduduk tempatan juga berpeluang terbabit sama dalam majlis perasmian itu dengan menyertai pelbagai acara yang disediakan termasuk gerai menjual makanan.

Acara menarik lain yang disediakan ialah pertandingan kereta kawalan jauh, gerai menjual makanan, bazar Fama dengan produk kering dan bazar kraftangan.

Pertandingan ayam serama, sepak raga, congkak, mewarna oleh kanak-kanak, mewarna muka, demonstrasi melukis batik, menganyam tikar, membuat serta menaikkan layang-layang, galeri 'flower horn' dan nelayan akan turut diadakan.

Pada sebelah pagi pula ratusan kaki pancing dijangka berkumpul di benteng pemecah ombak berhampiran hotel berkenaan untuk menyertai pertandingan memancing Joran Perdana MK Land yang bermula jam 8 pagi.